

Pantun Alam Remaja : Maksud

Rangkap 1

Anak-anak akan berasa sangat gembira sewaktu menyambut kepulangan ibu ke rumah.

Rangkap 2

Ketakutan dan kerisauan anak-anak sewaktu ketiadaan ibu akan hilang apabila melihat ibu pulang ke rumah.

Rangkap 3

Anak-anak akan berasa sangat gembira jika ibu cepat pulang ke rumah.

Rangkap 4

Adik-beradik menyanyikan sebarang lagu bersama-sama.

Rangkap 5

Kepulangan ayah dan ibu ke rumah merupakan detik yang paling menggembirakan anak-anak.

Rangkap 6

Pemberian atau hadiah daripada ibu bapa membuatkan anak-anak berasa gembira.

Rangkap 7

Ibu bapa tidak sewajarnya memarahi anak-anak yang gemar berpantun kerana anak-anak yang masih kecil biasanya manja.

Tema

Kegembiraan anak-anak sewaktu menyambut kepulangan ibu bapa mereka ke rumah.

Persoalan

- (a) Tanggungjawab ibu bapa ialah memberikan kasih sayang dan kebahagiaan kepada anak-anak.
- (b) Pemberian hadiah dapat menggembirakan hati seseorang.
- (c) Anak-anak sentiasa cemas dan risau sewaktu ketiadaan ibu bapa di rumah.

Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

- (a) Terdiri daripada tujuh rangkap.
- (b) Berisi empat baris setiap rangkap.
- (c) Ada pembayang dan maksudnya.

- (d) Bilangan katanya tiga hingga lima patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada sembilan hingga sepuluh suku kata sebaris.
- (f) Bentuknya terikat.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) **Imej alam.** Contohnya, itik; kumpai; ayam kinantan; ranting; rumput.
- (b) **Peribahasa.** Contohnya, besar hati.
- (c) **Inversi.** Contohnya, Elok rupanya kumbang jati; Sebarang tari kita tarikan; Sebarang nyanyi kita nyanyikan.
- (d) **Asonansi.** Contohnya, Tidak terkatakan besar hati (perulangan vokal a).
- (e) **Aliterasi.** Contohnya, Hanyut batang berlilit kumpai (perulangan konsonan b).
- (f) **Rima** akhirnya sama, iaitu abab kecuali rangkap kedua rima akhirnya aaaa.

Nilai

- (a) Kasih sayang.
- (b) Tanggungjawab.
- (c) Baik hati.
- (d) Hormat-menghormati.

Pengajaran

- (a) Kita mestilah menyayangi anak-anak.
- (b) Kita mestilah bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak.
- (c) Kita haruslah bersikap pemurah untuk mengukuhkan ikatan antara anggota keluarga.
- (d) Kita haruslah menghormati ibu bapa.